



اَبُو سَيِّدِي نَبِيكَوْ اَلْحَيُّوْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



TEKS UCAPAN

**YBHG. PROFESOR DATUK EMERITUS DR.
RADUAN CHE ROSE**

PENGERUSI

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

SEMPENA

MAJLIS MAKAN MALAM GALA iCEPS

7 OKTOBER 2023 (SABTU) | 8 MALAM

HOTEL FOUR SEASONS, KUALA LUMPUR

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanir Rahim,

- 1. YBhg. Prof. Dr. Azlinda Binti Azman,**
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi,
mewakili
Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed
Khaled Nordin
Menteri Pendidikan Tinggi
- 2. Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr.**
Azizul Halim Yahya
Ketua Eksekutif
Institut Pendidikan Berterusan dan
Pengajian Profesional (iCEPS)
- 3. Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM;**
Penolong-Penolong Naib Canselor,
Rektor, Dekan
- 4. Pihak Industri yang bersama-sama**
dengan iCEPS meraikan Majlis Makan
Malam Gala iCEPS
- 5. Jemputan-jemputan Khas dari pelbagai**
sektor; dan

**6. Yang Berbahagia Tan Sri- Tan Sri,
Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

**[Salutasi – kemas kini berdasarkan kehadiran] – rujuk pegawai
dari koporat setelah mendapat pengesahan kehadiran**

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera

dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada malam ini bagi meraikan **Majlis Makan Malam Gala Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), UiTM** bersempena sambutan Ulang Tahun Jubli Emasnya.

2. **Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Profesor Dr. Azlinda binti Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi mewakili Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled**

Bin Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi untuk merasmikan Majlis pada malam ini. Saya yakin, kehadiran Yang Berbahagia Profesor Azlinda akan menjadi motivasi dan simbolik komitmen kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan program ini.

3. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada iCEPS kerana berjaya melaksanakan majlis yang amat istimewa ini.
4. Kehadiran rakan-rakan industri pada hari ini membuktikan betapa pentingnya hubungan dan kerjasama industri bersama institusi pendidikan tinggi negara dalam memastikan para graduan yang bakal dihasilkan kekal relevan bukan sahaja bagi pasaran kerja di dalam negara malahan di peringkat antarabangsa demi memartabatkan industri pengajian tinggi negara ini.

Hadirin sekalian,

5. Kepentingan pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning* adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Pembelajaran Sepanjang Hayat (P.S.H) merupakan pencarian ilmu pengetahuan sama ada untuk diri sendiri atau profesional yang dilakukan sepanjang masa dan atas motivasi sendiri. P.S.H juga membangunkan potensi manusia melalui proses pembelajaran berterusan yang memberi motivasi untuk menguasai ilmu, menerapi nilai murni dalam diri yang diperlukan sepanjang hayat dan meluaskan pengalaman dalam kehidupan.
6. P.S.H membolehkan semua individu mendapat ilmu dan kemahiran yang bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi serta dapat memupuk minat dan menyemai bakat individu untuk kehidupan yang lebih bermakna.
7. Motto iCEPS iaitu "*Preparation for life*" adalah bertujuan menjadikan institusi ini terunggul dalam menawarkan pembelajaran sepanjang hayat bertaraf dunia dengan berpasakkan misi

untuk menawarkan pelbagai peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat umum.

Hadirin sekalian,

8. Penubuhan iCEPS bermula pada tahun 1973 dengan nama Pengajian Luar Kampus ITM, 27 tahun kemudian pada tahun 1990 dikenali dengan nama Pusat Pendidikan Luar sebelum ditukar kepada Pusat Pendidikan Lanjutan pada tahun 1998.
9. Sejalan dengan perkembangan teknologi dalam pendidikan, ia kemudiannya dikenali dengan nama Pusat Pendidikan NEO sebelum akhirnya tersohor dengan nama iCEPS, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional.
10. Pada malam ini, In Shaa-Allah kita bakal menyaksikan beberapa pengumuman istimewa

yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Azlinda. Marilah sama-sama menghayati pengumuman ini agar pelancaran yang bakal berlangsung memberi impak kepada kejayaan industri pendidikan tinggi pada masa hadapan. Oleh itu, saya mengucapkan tahniah kepada iCEPS atas pencapaian yang memberangsangkan sepanjang 50 tahun.

Hadirin yang dikasihi,

11. Pelbagai sinergi yang membanggakan telah berjaya dilaksanakan oleh pihak iCEPS, antaranya berjaya meningkatkan enrolmen pelajar separuh masa sehingga lebih 13,000 pelajar aktif dan menjadi penanda aras oleh institusi-institusi lain dari segi pengalaman dan pengetahuan.

12. Selain itu, iCEPS menjadi pembangun UFuture

yang merupakan platform rasmi e-Pembelajaran UiTM yang telah digunapakai sejak 2020. iCEPS juga telah menjalin kerjasama francais dengan institusi luar negara seperti Qaiwan International University, Iraq, agensi-agensi kerajaan, kementerian dan korporat serta pelbagai lagi.

13. Doa saya, semoga iCEPS terus memainkan peranan dalam melahirkan lebih ramai lagi bakat-bakat dalam pelbagai bidang yang boleh diketengahkan kepada pihak industri dan seterusnya, meningkatkan kebolehpasaran graduan UiTM. Semoga iCEPS UiTM menjadi institusi yang melahirkan graduan manusiawi untuk bangsa dan negara, In Shaa Allah.

14. Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang telah menggembeng tenaga menjayakan majlis makan malam ini.

Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalaamualaikum,

Warahmatullahi Wabarakatuh